

Orang ramai lepas rindu 'serbu' Zoo Negara

Sinar Harian 9/3/2021 M/s 15

Capai sasaran 2,500 pengunjung pada hujung minggu lalu walaupun tiket dijual pada harga biasa

Oleh NORAFIZA JAAFAR

KUALA LUMPUR

Pembukaan semula Zoo Negara kepada orang awam sejak Jumaat lalu memberikan kelegaan buat pihak pengurusan yang sebelum ini berdepan masalah untuk mendapatkan dana.

Timbalan Presidennya, Rosly Ahmad Lana berkata, sambutan daripada pengunjung juga amat menggalakkan walaupun dalam keadaan hujan pada Sabtu dan Ahad lepas.

Beliau berkata, Zoo Negara mencapai sasaran pengunjung seramai 2,500 orang pada hujung minggu lalu walaupun tiket dijual pada harga biasa.

"Sambutan orang ramai amat menggalakkan walaupun tanpa harga promosi. Terima kasih kepada pihak media yang sama-sama membantu mempromosi pembukaan semula Zoo Negara.



Kawasan luar Zoo Negara di Kuala Lumpur yang dipenuhi kenderaan pengunjung pada hujung minggu lepas.

"Zoo Negara sudah bernafas semula. Saya berharap momentum ini berterusan dan berpanjangan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini menyebabkan Zoo Negara dihimpit isu dana disebabkan tidak dibenarkan dibuka untuk orang ramai.

Kesulitan tersebut telah menarik perhatian pihak khususnya dalam kalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tam-pil menyalurkan bantuan.

Sementara itu, Rosly berkata, sehingga kini bantuan daripada NGO dan orang awam masih berterusan.

"Pembukaan Zoo Negara sedikit sebanyak melegakan pihak pengurusan untuk mengumpul dana bagi memastikan kos operasi mampu disediakan tanpa sebarang masalah," katanya.

Beliau bagaimanapun menasihatkan pengunjung untuk kekal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dalam kawasan Zoo Negara.

"Pengurusan dan pasukan keselamatan

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG ISNIN

1 SYED SADDIQ SERAH GAJI SEBULAN UNTUK RAKYAT MUAR

2 KURANGKAN MAKAN GARAM, UTAMAKAN PERISA ASLI: NOOR HISHAM

3 KES TEMBAK ISTERI: JENAZAH MASIH BELUM DITUNTUT

4 PRU15: PH MULA AGIH KERUSI, TIDAK TOLAK KERJASAMA DENGAN UMNO

5 KERAJAAN KAJI KESEUSAJIAN BDR GAJI PENUH: MUHYIDDIN

6 TIADA KERJASAMA POLITIK ANTARA UMNO-DAP: LIM GUAN ENG

7 SPRM JANGAN JADI TONGKAT PERTAHAN KERAJAAN RAPUH: SAIFUDDIN

8 UMNO DILEMAHKAN DENGAN 'PISAU, PEN DAN BUKU CEK'

9 UMNO, PAS DAN BERSATU BUKAN MUSUH TAPI PESAING: ANNUAR

10 PENGANGGUR TAK MENGAKU ROGOL REMAJA HINGGA LAHIRKAN ANAK

tan juga ditugaskan melakukan pemantauan, namun kerjasama daripada orang awam juga amat diperibadikan dalam sama-sama memerangi Covid-19," katanya.